

Syor tubuh syarikat bas induk


BH 1 JAN 1992

KUALA LUMPUR, Jumaat — Sistem laluan dan pengurusan syarikat bas di ibukota akan disusun semula untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas berikutan pemusatan perkhidmatan bas dalam kawasan bandaraya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cadangan penyusunan semula itu mungkin membabitkan penubuhan sebuah syarikat induk yang disertai semua syarikat bas yang ada sekarang.

"Kita boleh mewujudkan sebuah syarikat has yang besar dan penyerantaan syarikat has boleh ditentukan mengikut laluan, pendapatan dan jumlah penumpang mereka. Kita akan memberi hak kepada setiap syarikat has tetapi diurus sebagai satu syarikat besar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan amat serius dalam perkara itu kerana



**KONGRES
EKONOMI BUMIPUTERA KE-3
JANUARI 1992**

sistem laluan dan syarikat bas pada masa ini menimbulkan masalah kesesakan lalu lintas yang berat.

"Kita dapati ada terlalu banyak syarikat bas di Kuala Lumpur. Mereka mengikut pelan lama dengan membawa penumpang ke tengah-tengah bandaraya yang menyebabkan kesesakan lalu lintas," katanya.

Menurutnya, perkhidmatan bas di bandaraya lain adalah lebih kemas kerana bas mengikut laluan terus dari Utara ke Selatan atau dari Timur ke Barat tanpa berpusat di mana-mana tempat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sistem laluan yang baik ialah sistem

yang membolehkan penumpang yang ingin ke sesuatu tempat berhenti di satu perhentian dan mengambil bas lain untuk sampai ke destinasi.

"Tetapi di Kuala Lumpur, semuanya tertumpu ke Puduraya yang menyebabkan lalu lintas di bandaraya sentiasa sesak," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Kuala Lumpur berkata, kewujudan di antarlaluan dan 10 syarikat bas yang menggunakan beberapa laluan sama juga mengelirukan serta menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Sehubungan itu, katanya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah diarahkan supaya mengemukakan kertas kerja mengenai perkara itu kepada Kabinet.

Mengenai projek monorel di ibu kota, Perdana Menteri berkata, pembinaannya akan bermula dalam masa tiga bulan lagi oleh syarikat yang memhina monorel di Singapura.